



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 10/2021
30 NOVEMBER 2021 (25 RABI'UL AKHIR 1443H)**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi di atas segala limpah kurnia-Nya, di atas kepelbagaian nikmat yang diberikan kepada kita dan diberikan nikmat kesihatan untuk menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda SAW, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terima kasih saya ucapkan kepada Timbalan Datuk Bandar, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam urusan mentadbir dan mengurus organisasi dan pelan jangka panjang kemakmuran bersama buat warga Petaling Jaya.

Saya amat berharap, sokongan dan komitmen yang jitu ini sentiasa berpanjangan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan merealisasikan penyampaian perkhidmatan dan program-program Majlis.

Perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan terus dilaksanakan dengan amalan norma baharu dan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan

Negara. Oleh yang demikian, saya memohon kerjasama semua pihak agar dapat menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik.

2. PENERAPAN/PEMBUDAYAAN INTEGRITI DAN MENANGANI ISU RASUAH

Forum Integriti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama Kerajaan Negeri Selangor yang bertemakan **Integriti Pemangkin Kecemerlangan Organisasi** telah diadakan pada 22 November 2021 yang lalu telah dirasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor. Forum Integriti ini merupakan satu langkah bagi meningkatkan rasa tanggungjawab pemimpin dan warganya kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam melaksanakan tugas dan menjauhi diri daripada amalan pelanggaran rasuah dalam tempoh perkhidmatan mereka.

YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah menyampaikan ucapan dan memberikan amanat beliau dimana setiap agensi haruslah memberi mesej kepada masyarakat bahawa organisasi haruslah berjanji untuk menjalankan tugas dengan amanah dan tidak prejudis ke atas mana-mana pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam perbuatan rasuah. Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) perlu diadakan di setiap agensi oleh kerana ianya merupakan satu dokumen dasar yang melibatkan anti rasuah di peringkat organisasi yang bertujuan bagi menangani permasalahan dan kelemahan *governance* serta integriti dan rasuah.

OACP ini dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan tahap berlakunya gejala rasuah berada dalam keadaan baik pada setiap tahun. Langkah pembudayaan, institusi dan intervensi di pelbagai peringkat akan dirancang selain kerjasama erat bersama pihak SPRM juga akan dilaksanakan pada setiap masa. Pelbagai program di

agensi haruslah dilaksanakan seperti Ikrar Bebas Rasuah (IBR), program pendidikan bersama agensi kerajaan serta agensi lain, program-program melibatkan integriti dan nilai-nilai murni yang merupakan salah satu usaha menangani rasuah.

YAB Dato' Menteri Besar Selangor turut memohon agar semua agensi perlu melaporkan kepada pihak SPRM dan memberi perhatian yang serius jika ada berlakunya salah laku dan perbuatan atau sogokan daripada pihak berkepentingan yang boleh menyebabkan gejala rasuah dan salah guna kuasa. Setiap ketua jabatan haruslah memaklumkan jika ada sebarang masalah terutamanya melibatkan isu integriti yang mungkin memberikan kesan kepada prestasi organisasi.

Pemantauan oleh ketua jabatan ke atas tugas yang dilaksanakan oleh kakitangan haruslah dibuat dari semasa ke semasa. Tindakan punitif wajar dilaksanakan ke atas pegawai dan kakitangan yang didapati bersalah dan melanggar peraturan. Selain itu, setiap jabatan perlu memperkemaskan prosedur kerja terutamanya bagi pengurusan tatacara perolehan. Pihak pengurusan juga perlu membuat semakan pengisytiharan harta dan keberhutangan serius ke atas pegawai dan kakitangan dari semasa ke semasa.

Setiap ketua jabatan dan penyelia haruslah mempunyai sifat kepimpinan iaitu berintegriti dan *knowledgeable* dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan. Berani kerana benar dalam mengambil tindakan jika ada pegawai yang melakukan kesalahan selain mempunyai akauntabiliti dan bertanggungjawab ke atas pegawai dan kakitangan dibawah seliannya dalam membuat keputusan ke atas sesuatu tindakan.

Pegawai/kakitangan yang menunjukkan prestasi yang baik seharusnya diberi pengiktirafan agar mereka bekerja dan menjalankan tugas mereka dengan baik pada setiap masa. Adalah diharapkan agar semua warga kerja MBPJ seharusnya mempunyai nilai integriti yang tinggi dan membudayakan nilai-nilai murni semasa melaksanakan tugas pada setiap masa. Pengurusan berintegriti iaitu sifar gejala rasuah, salah laku dan penyelewengan menjelang Tahun 2030 merupakan matlamat Majlis dibawah Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdayatahan 2030 @ PJSSR 2030. Matlamat ini merupakan hala tuju Majlis di bawah perkara 5.0 Pihak Berkuasa Tempatan Berprestasi Tinggi iaitu Pembangunan Modal Insan yang merupakan satu agenda 10 *Thematic Project Majlis -E-Governance City*.

3. SEDEKAD MELESTARI KEHIDUPAN

Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) dianjurkan oleh PLANMalaysia merupakan penghargaan di peringkat nasional yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, komuniti, institusi awam / swasta dan individu atas usaha dalam melaksanakan inisiatif pembangunan kejranan hijau sejak sedekad yang lalu.

Untuk makluman semua, Majlis telah menyertai anugerah ini sejak tahun 2012 dan Majlis telah memenangi anugerah **Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau melalui Penyediaan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH)**.

Pada Tahun 2016 pula MBPJ telah memenangi **Anugerah Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2016 Penyediaan Laluan Pejalan Kaki (Kategori Bandaraya)**. Seterusnya pada Tahun 2018, MBPJ telah memenangi beberapa kategori Anugerah Kejiranan Hijau seperti berikut:

- 1) Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Penyediaan Laluan Basikal (Kategori Bandaraya) Program Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2018** sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018.
- 2) Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Penyediaan Laluan Pejalan Kaki (Kategori Bandaraya) Program Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2018** sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018.
- 3) Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kebun Kejiranan (Kategori Bandaraya) Program Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2018** sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018.
- 4) Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Program Pengkomposan Sisa (Kategori Bandaraya) Program Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2018** sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018.
- 5) Anugerah Khas Pencapaian Terbaik Keseluruhan Program Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2018** sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018.

Pada Tahun 2019, format pertandingan telah ditukar kepada penganugerahan inisiatif hijau di kalangan komuniti. Tiga (3) kejiranan di Petaling Jaya telah memenangi anugerah tersebut iaitu:

- 1) Pemenang Tempat Kedua Anugerah Kejiranan Hijau 2019 Kategori Perumahan Bertingkat - Blok 3 Desa Mentari Petaling Jaya.**
- 2) Pemenang Tempat Ketiga Anugerah Kejiranan Hijau 2019 Kategori Perumahan Kampung - Kg. Selamat Petaling Jaya.**

3) Pemenang Tempat Ketiga Anugerah Kejiranan Hijau 2019
Kategori Perumahan Bertanah – Persatuan Penduduk SS20
Zon Sentral Petaling Jaya.

Penghargaan Anugerah Kejiranan Hijau 2021 sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2021 dengan tema '**Sedekad Melestari Kehidupan**' menilai inisiatif kejiranan hijau yang dilaksanakan oleh peserta dalam tempoh 1 Jun 2020 sehingga 30 Julai 2021.

Bagi tahun 2021, enam (6) kategori telah dipertandingkan iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Institusi Awam/Swasta, Komuniti Perumahan Bertanah, Komuniti Perumahan Bertingkat, Komuniti Perumahan Kampung dan Individu.

Anugerah Kejiranan Hijau ini dinilai berdasar lima (5) inisiatif kejiranan hijau iaitu **Pembangunan Kebun Kejiranan, Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH), Program 3R dan Pengkomposan Sisa** serta **Penyediaan Laluan Pejalan Kaki dan Basikal** yang disediakan oleh PBT.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah dinobatkan sebagai Pemenang Anugerah Kejiranan Hijau 2021 bagi Kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Kategori Bandaraya / Perbadanan).

Inisiatif kejiranan hijau merupakan projek / program yang dilaksanakan berdasarkan *Blueprint* 'Petaling Jaya Pintar, Mampan Dan Berdayatahan 2030' (PJSSR 2030) yang mempunyai lima (5) halatujui iaitu **Alam Sekitar, Habitat Berdayahuni, Ekonomi, Komuniti Mampan dan Pihak Berkuasa Tempatan Berprestasi Tinggi** dan tiga (3) *domain @thematic* yang berkaitan iaitu **Low Carbon City, Circular Economy City** Dan **Economical Vibrant City**. Di antara inisiatif kejiranan hijau yang telah diketengahkan adalah:

- a) *Smart IoT Green House*
- b) *Laluan Pejalan Kaki dan Basikal @Sustainable Transportation*
- c) *Kebun Kita @MBPJ*
- d) *SPAH @Surau Al-Ihsan*
- e) *Kitar Semula S.I.S.A (Sisa Itu Satu Aset)*
- f) *PJ Waste Solution Lab @ SS 2*
- g) *PJ Eco Recycling Plaza*
- h) *Platform PJKita2u.org*

Inisiatif kejuranan hijau menjadi agenda utama dalam *Blueprint PJSSR2030* dan segala program dan projek dipantau pelaksanaan dan pencapaian KPI menggunakan *Dashboard Smart City* yang berkaitan iaitu *Dashboard Smart IoT Greenhouse*, *Dashboard Smart TransportationPJ*, *Dashboard SmartCommunity @ PJKITA Super Platfom*, *Dashboard SmartSPAH-PJ* dan *Dashboard SmartCE-PJ (circular economy)*.

Selain daripada kategori Pihak Berkuasa Tempatan, Anugerah Kejuranan Hijau 2021 juga telah dimenangi oleh komuniti Petaling Jaya bagi Kategori Perumahan Bertanah dan Perumahan Bertingkat. Anugerah tersebut adalah:

- 1) Pemenang Tempat Ketiga Anugerah Kejuranan Hijau 2021 Kategori Komuniti Perumahan Bertanah – Persatuan Penghuni & Pemilik Rumah Damansara Jaya (DJROA), Petaling Jaya.**
- 2) Pemenang Tempat Ketiga Anugerah Kejuranan Hijau 2021 Kategori Komuniti Perumahan Bertingkat – Kelab Alam Sekitar Blok 3, Desa Mentari, Petaling Jaya.**

4. **MSOSH AWARD: MAJLIS RANGKUL ANUGERAH GOLD CLASS 1**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima anugerah Gold Class 1 sempena 39th MSOSH Award 2021 Ceremony bertempat di The Majestic Hotel Kuala Lumpur. Anugerah ini diberi adalah berdasarkan tahap-tahap pencapaian pelaksanaan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sesebuah organisasi tersebut dan diberi penarafan dalam bentuk *Platinum, Gold, Silver* atau *Bronze*. Anugerah ini turut dianggap berprestij kerana kriteria penilaiannya sangat terperinci dan bertaraf antarabangsa.

Pengiktirafan ini sedikit sebanyak telah menyuntik semangat dan melonjakkan lagi motivasi kepada Majlis untuk terus bergerak ke hadapan dan menambahbaik program-program OSHE yang telah dan yang akan dilaksanakan.

Di Majlis Bandaraya Petaling Jaya, beberapa *implement* telah dilaksanakan dimana Majlis melalui Unit keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHE) dari Jabatan Perancangan Pembangunan telah menghantar kakitangan-kakitangan untuk menghadiri kursus-kursus yang berkaitan dengan OSHE. Selain itu, Majlis juga telah melantik ahli jawatankuasa OSHE dan *Safety Health Officer* (SHO) di setiap jabatan dan juga melancarkan penggunaan aplikasi web portal OSHE bagi pemantauan kontraktor bagi projek-projek Majlis dan juga pelaporan ICIX (*I See I Act*) oleh kakitangan bagi memastikan bahawa persekitaran tempat kerja kita selamat dan kondusif.

5. MAJLIS CEMERLANG RAIH ANUGERAH INOVASI

Selari dengan hasrat pembudayaan inovasi sektor awam di negeri Selangor, Majlis Bandaraya Petaling Jaya sekali lagi telah menyertai Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) dan Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) tahun 2021.

Lebih membanggakan kita semua, kesemua empat pasukan inovasi Majlis yang bertanding telah mendapat kedudukan johan dan naib johan dan pemenang anugerah khas bagi setiap kategori yang dipertandingkan. Senarai nama kumpulan dan kategori pemenang adalah seperti berikut :

a) **Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan)**

Johan - Iron Squadron (Jabatan Kejuruteraan)

b) **Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan)**

Naib Johan - Wastech (Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam & Unit Teknologi Maklumat)

c) **Kategori Inovasi Sosial (Penambahbaikan)**

Johan - New Otai's (Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pengurusan Awam & Persatuan Peniaga Sek 17/27 & Arastiga Enterprise)

d) **Anugerah Khas Dokumentasi Terbaik** - Iron Squadron

e) **Anugerah Khas Projek Primer Terbaik** - Iron Squadron

f) **Anugerah Khas Projek Hybrid Terbaik** - New Otai's (Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam & Persatuan Peniaga Sek 17/27 & Arastiga Enterprise)

g) **Anugerah Inovasi Negeri Selangor**

Naib Johan - Pj Infinite (Ez-Spray) Alat Penyembur Mudah Alih

Saya mengambil kesempatan ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua kumpulan yang bertanding dan meraih pelbagai anugerah pada **Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Tahun 2021**. Jadikan kemenangan ini sebagai pemangkin untuk menyemarakkan lagi semangat untuk mencapai kecemerlangan di dalam sistem penyampaian melalui inovasi sistem, cara bekerja dan projek-projek yang memberi impak besar kepada kesejahteraan penduduk Petaling Jaya seterusnya menjadi inspirasi untuk terus menjana idea-idea kreatif dan inovatif selepas ini bagi meningkatkan lagi prestasi di jabatan masing-masing.

Suka saya nyatakan, bahawa saya berhasrat jejak-jejak kumpulan juara ini diikuti pula oleh bakal-bakal juara dari kumpulan-kumpulan yang lain. Jadikanlah budaya inovasi dan kreatif ini sebahagian dari budaya kerja kita bagi memudahkan kerja kita. Semoga kecermelangan yang diraih dan anugerah yang dirangkul ini menjadi pemangkin semangat buat kita semua dalam menjalankan urusan kerja pejabat kita. Tahniah dan syabas sekali lagi saya ucapkan.

6. **KESIAPSIAGAAN DALAM MENANGANI MUSIM BENCANA**

Bagi memastikan kelestarian bandar raya Petaling Jaya, antara isu dan cabaran yang perlu Majlis tangani adalah penyelesaian terhadap isu permasalahan banjir yang di hadapi oleh warga Petaling Jaya. Semenjak tahun 2007, Majlis telah mengenalpasti dan menyenaraikan lokasi-lokasi *Hot Spot* banjir mengikut keutamaan. Ia adalah bertujuan untuk mencari dan menyediakan peruntukan yang mencukupi serta melaksanakan projek mengatasi banjir mengikut perancangan.

Berdasarkan rekod sehingga tahun 2021, sebanyak 34 lokasi *Hot Spot* banjir telah di kenalpasti. Untuk jumlah tersebut, sejumlah 20 lokasi *Hot Spot* banjir berjaya di selesaikan manakala 14 lokasi selebihnya dalam proses tindakan penyelesaian. Ini bermakna Majlis sekurang-kurangnya telah menyelesaikan 60 % permasalahan banjir di Petaling Jaya. Antara faktor-faktor utama yang sering menyebabkan kejadian banjir adalah:

- a) Hujan luar biasa (keamatan hujan melebihi 8.3mm dalam tempoh 1 minit)
- b) Aras sungai di sekitar Petaling Jaya naik mendadak melepasi aras bahaya.
- c) Sistem perparitan tersumbat di paip erong (*scupper drain*) atau di longkang bahu jalan atau di Parit Hujan Lebat (PHL) dengan daun-daun kering, ranting, dahan pokok, akar-akar pokok, batang pokok, sampah domestik, sisa-sisa masakan, minyak dari bengkel kenderaan, binaan tanpa kebenaran serta kerosakan pada struktur longkang itu sendiri.
- d) Halangan di dalam sistem perparitan yang menyebabkan mudah tersumbat berpunca dari struktur utiliti sama ada paip bekalan air, kabel bekalan elektrik, kabel syarikat telekomunikasi, paip pembentung (kumbahan) atau lain-lain syarikat utiliti.
- e) Ketidakupayaan pihak pemaju melaksanakan penyelenggaraan rutin dan penyediaan sistem saliran berhampiran.

Melalui kerjasama di antara Jabatan-jabatan Majlis serta agensi luar seperti JPS, pelbagai bentuk tindakan telah dapat ditangani serta di ambil bagi mengurangkan permasalahan mahupun risiko banjir seperti kerja-kerja pembersihan oleh kontraktor KDEB melalui Jabatan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, tindakan notis meroboh binaan tanpa kebenaran atau notis *stop of work* kepada pihak persendirian/pemaju

terlibat melalui Jabatan Kejuruteraan atau Jabatan Kawalan Bangunan dan tindakan penangguhan permohonan syarikat utiliti yang terlibat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Majlis.

Majlis turut bersama dengan pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran Petaling dalam berkongsi maklumat kejadian banjir serta perancangan kedua-dua belah pihak dalam mengurangkan permasalahan banjir yang berpunca dari kenaikan aras sungai yang mendadak. Dengan cara ini, Majlis boleh menyampaikan maklumat tepat kepada penduduk yang terlibat melalui perancangan dan tindakan oleh Majlis dan JPS.

Untuk makluman semua, pada tahun 2022, Majlis telah memperuntukan sejumlah RM 2.2 Juta bagi pelaksanaan projek penyelenggaraan kecil sistem saliran dan sejumlah RM 3.3 Juta bagi pelaksanaan projek naiktaraf sistem saliran atau tebatan banjir secara berfasa menjadikan jumlah keseluruhan yang di peruntukan adalah sejumlah RM 5.5 Juta.

Di bawah pelaksanaan projek penyelenggaraan kecil sistem saliran, Majlis melalui lantikan kontraktor tidak berjadual dengan pecahan kepada 9 Zon kawasan untuk mengambil tindakan terhadap aduan-aduan kerosakan longkang kecil oleh warga Petaling Jaya.

Manakala di bawah pelaksanaan projek naiktaraf sistem saliran dan tebatan banjir akan di laksanakan mengikut senarai keutamaan *Hot Spot* banjir yang di rancang. Cadangan projek yang dilaksanakan ini di rekabentuk memenuhi kehendak Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MASMA) iaitu dengan konsep '*Retain Water At Source*'. Rekabentuk yang ditawarkan ini akan memperlahankan had laju air dari bahagian hulu dalam sistem saliran dengan cara pembinaan struktur penyurut had laju (*Mini Dam*), secara '*On Site Detention*' (OSD) ataupun dengan cara '*Inline Detention*' bagi memastikan sungai-sungai di sekitar Petaling Jaya mampu menampung jumlah air larian (*surface runoff*). Antara projek naik taraf yang di rancang bagi tahun 2021 adalah :

- a) Cadangan menaiktaraf infrastruktur dan mengatasi masalah tanah mendap serta lain-lain kerja berkaitan di Lorong 51A/227A, Seksyen 51a, Petaling Jaya.
- b) Cadangan menaiktaraf longkang serta lain-lain kerja berkaitan di sebahagian Jalan 17/21I, Seksyen 17, Petaling Jaya. (Fasa 1)
- c) Cadangan menaiktaraf longkang serta lain-lain kerja berkaitan di sebahagian Jalan PJS 3/1, PJS 3, Petaling Jaya. (Fasa 3)
- d) Cadangan baikpulih tebing parit hujan lebat serta lain-lain kerja berkaitan di Jalan Persiaran Bandar Utama, Petaling Jaya.

Majlis komited dalam memberi perkhidmatan dan komitmen yang tidak terhingga kepada warga Petaling Jaya agar dapat merencanakan bandar raya Petaling Jaya sebagai Bandar Berdayatahan.

7. OPERASI PENGUATKUASAAN

7.1 PERMOHONAN PENGUATKUASAAN SOP PPN FASA 4

Majlis terus komited di dalam melaksanakan rondaan, pemeriksaan dan pemantauan secara konsisten bagi memastikan tahap pematuhan SOP di kalangan pemilik perniagaan dan orang awam dijadikan budaya selari dengan pelaksanaan fasa empat Pelan Pemulihan Negara (PPN). Fokus semakan terhadap premis-premis perniagaan di sekitar kawasan Petaling Jaya adalah bagi memastikan pemilik-pemilik perniagaan dan orang awam terus mengadaptasi amalan norma baharu di dalam aktiviti seharian. Bagi mendukung hasrat tersebut, sepanjang bulan November 2021, Majlis telah melaksanakan semakan ke atas 1,909 premis perniagaan, 5,079 penjaja, 383 lesen berisiko, 441 kawasan pasar dan 216 kawasan riadah di sekitar kawasan Petaling Jaya.

Secara kumulatifnya, bermula daripada 7 Mei 2021 sehingga 24 November 2021, sebanyak 51,591 pemeriksaan telah dilaksanakan melibatkan 13,654 premis perniagaan, 162 sektor industri, 25,681 penjaja, 3,786 premis makanan, 3,019 premis lesen berisiko, 3,804 kawasan pasar dan 1,485 kawasan riadah. Hasil daripada tindakan penguatkuasaan yang dijalankan sebanyak 6,556 kompaun pelbagai kesalahan, 9 kompaun di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), 103 amaran lisan, 428 notis penutupan, 152 sitaan/pindah alih dan 31 penutupan premis telah dilaksanakan.

Di samping itu, penguatkuasaan melalui operasi bersepadu juga masih diteruskan dan telah memberikan impak yang positif terutamanya kepatuhan pemilik perniagaan dan orang awam terhadap SOP yang ditetapkan. Hasil kolaborasi yang dijalankan bersama pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya dan agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan, sebanyak 359 operasi bersepadu telah dilaksanakan.

7.2 BILIK GERAKAN SCOR (SMART COVID-19 OPERATIONAL ROOM)

SMART COVID-19 OPERATIONAL ROOM (SCOR) yang berperanan sebagai pusat *Big Data* Petaling Jaya masih terus diperkasakan fungsinya bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kepada penduduk Petaling Jaya lebih efisien selaras dengan hasrat untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya pintar, mampan dan berdayatahan. Hasrat ini juga adalah bertepatan dengan sasaran Pelan Strategik *PJ Smart, Sustainable, and Resilient 2030* (PJSSR 2030) yang telah dirangka. Bagi tempoh bermula 1 Jun 2021 sehingga 24 November 2021, sebanyak 73 aduan dan pertanyaan awam telah direkodkan dan telah diselesaikan.

8. KEBERSIHAN DAN KESIHATAN DI PETALING JAYA

Majlis ingin mengingatkan kepada orang ramai agar sentiasa menjaga kebersihan dan memilih gerai, premis dan restoran yang mengamalkan dalam penyediaan dan pengendalian kebersihan jika ingin menikmati juadah di luar. Ini adalah susulan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) telah mengesan satu kes jangkitan Kolera di Daerah Petaling. Adalah dengan ini, Majlis ingin menasihati orang awam agar:

- a) Hanya minum air dirawat atau dididihkan
- b) Jaga kebersihan sendiri, amalkan cuci tangan dengan sempurna
- c) Jangan makan makanan mentah atau tidak dimasak sempurna
- d) Pilih premis/kedai makan yang mengamalkan penyediaan dan pengendalian makanan yang bersih
- e) Elakkan premis makanan yang tidak berlesen

Untuk makluman semua, Kolera merupakan penyakit '*enteric akut*' disebabkan bakteria '*vibrio cholerae*' yang mana gejala awal adalah cirit-birit tanpa sakit, loya serta muntah dan dehidrasi yang berisiko kematian. Sekiranya seseorang itu bergejala, adalah dinasihatkan mendapatkan rawatan dengan segera di fasiliti kesihatan yang terdekat.

Sekian, terima kasih.